



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 28 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	GOVT TO AMEND FAMA ACT, KWONG WAH YIT POH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PERTANIAN PINTAR BERASASKAN IOT, K2, KOSMO -19	LAIN-LAIN
3.	NOW I DO KAEDAH TANI SERBA CANGGIH, K2, KOSMO -20	
4.	MANFAATKAN SEPENUHNYA PENGGUNAAN TEKNOLOGI, K2, KOSMO -21	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



28 SEP, 2022

# Govt to amend FAMA act

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

## 稳定各种肉类供应及销售 政府修订FAMA法令

【加央 27 日讯】大马联邦农业销售局(FAMA)总监拿督再纳阿比丁说，政府修订 1965 年联邦农业销售局(FAMA)法令授权该局营销畜牧产品，以稳定各种肉类的供应及销售。

他说，该法令修订之前，该局只被允许营销农业产品，不包括畜牧产品。

他说，我国面对冠病

疫情侵袭时，国内数个畜牧产品比如甘榜鸡和鸭鸡的市场受到影响，因此，通过此修正案（第 141 法令），FAMA 得到帮助畜牧业者推销他们的产品。

他表示，FAMA 并非和私人公司竞争市场，而是要与私人界一起发展畜牧业营销，为产品提供更多销售点。

再纳阿比丁在玻璃市端姑赛布特拉工艺学院，为“新品种营销企业家”(NBME)课程主持闭幕礼后，这么说。

该课程共有 350 名端姑赛布特拉工艺学院的学生和教职员参加。出席者包括端姑赛布特拉工艺学院院长阿都玛立及坡州 FAMA 主任莫哈末沙里占。

较早前，再纳阿比丁也为端姑赛布特拉工艺学院的 K-Shoppe 及咖啡厅主持开幕礼。



再纳阿比丁(右4)与NBME课程的参与者合影。右3及左4:莫哈末沙里占及阿都玛立。



28 SEP, 2022

## Govt to amend FAMA act

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

稳定各种肉类供应及销售 政府修订FAMA法令(加央27日讯)

大马联邦农业销售局(FAMA)总监拿督再纳阿比丁说，政府修订1965年联邦农业销售局(FAMA)法令赋权该局营销畜牧产品，以稳定各种肉类的供应及销售。他说，该法令修订之前，该局只被允许营销农业产品，不包括畜牧产品。他说，我国面对冠病疫情侵袭时，国内数个畜牧产品比如甘榜鸡和鹌鹑的市场受到影响，因此，通过此修正案(第141法

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2022	KOSMO	K2	19



Kosmo!

Mengalami  
Hidup Anda

**K2**

RABU 28/09/2022

# Pertanian pintar berasaskan IoT

MENERUSI sistem *Now I Do* (NIDO) yang berfungsi seperti otak kerana mampu membuat keputusan mengikut ketetapan petani, sektor pertanian kini begitu canggih apabila dikendalikan oleh *Internet of Things* (IoT) atau internet benda serta tidak lagi dikaitkan dengan label 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous* (kotor, sukar dan berbahaya).



RUMAH hijau ini turut dilengkapi kipas yang boleh dikawal dari mana sahaja. - MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

## Now I Do kaedah tani serba canggih



### Rencana Utama

Oleh FARID AHMAD TARMIJU

**D**i bawah sinar mentari pagi kelihatan seorang pemuda sedang memegang telefon pintar dan berdiri bersebelahan sebuah rumah hijau.

Dari luar rumah hijau yang menempatkan tanaman tembikai Mono Premium Melon itu, pemuda tersebut, Philip Lee dilihat memandang ke arah telefon pintarnya seolah-olah memantau serta sesekali menekan kekunci-kekunci persis melakukan kawalan jauh.

"Melalui telefon pintar ini, saya dapat memantau parameter-parameter yang kita kawal seperti suhu dalaman, bacaan pH, keperluan baja dan lain-lain lagi yang diperlukan tanaman.

"Kesemua ini penting dalam memastikan tumbuhan yang ditanam ini dapat menghasilkan buah yang berkualiti tinggi," jelas Philip yang merupakan eksekutif teknikal untuk syarikat Irritec Sdn. Bhd. kepada K2.

Syarikat tersebut telah mengaplikasikan kaedah pertanian pintar untuk tanaman Mono Premium Melon yang ditanam di ladang 'Showcase' Mono dengan kerjasama rakan strategik Jabatan Pertanian Malaysia bertempat di Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Kompleks Pertanian Serdang, Selangor.

Mono Premium Melon dikatakan spesies tembikai termahal di dunia



SISTEM NIDO boleh dikawal menerusi telefon pintar.

yang ditanam daripada benih Arus muskmelons dari Jepun.

Apa yang lebih menarik, tanaman itu diusahakan menggunakan sistem dinamakan sebagai NIDO atau *Now I Do*. NIDO merupakan satu sistem pertanian berasaskan *Internet of Things (IoT)* atau internet benda menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Menggunakan, menerusi NIDO, hampir kesemua kerja penjagaan tanaman dilakukan sistem tersebut, manakala manusia hampir tidak perlu melakukan apa-apa tugas fizikal melainkan membuat kemasan (*trim*) pada tanaman atau kerja ringkas lain.

Sistem tersebut dihubungkan dengan komponen-komponen yang mengandungi baja dan nutrien lain selain tangki air yang menjadi sumber siraman dan banchuan. Ia akan bergerak dan mengalir sendiri ke tanaman dengan kawalan yang boleh dibuat menerusi telefon pintar.

Pengarah syarikat, Mohd. Sofian

All berkata, NIDO berfungsi seperti otak kerana akan membuat keputusan mengikut aturan yang telah ditetapkan.

Sistem NIDO berupaya mengesan sebarang kekurangan parameter-parameter dan had nutrien yang diperlukan sebelum bertindak menyalurkan kepada tanaman.

"Sebagai contoh, NIDO ini membantu dalam ketepatan pembanchuan baja.

"Dalam kaedah konvensional, baja dicampur secara manual dan ketidaktepatan campuran baja boleh memberi kesan kepada tumbuhan," jelas Mohd. Sofian.

Tambahnya, menerusi NIDO juga, petani boleh memantau ketepatan kadar pH air untuk banchuan baja.

"Bacaan pH berbeza berdasarkan sumber air, misalnya pH daripada sumber air sungai berbeza dengan air hujan.

"Melalui sistem ini, selagi kadar pH tidak tepat seperti yang kita mahukan, sistem akan menambah asid atau

alkali sehingga mencapai sasaran yang dikehendaki.

"Apabila kadar pH telah tepat barulah baja dicampur dan kemudian disalurkan kepada tanaman," jelasnya.

Mohd. Sofian menerangkan, jika kaedah pertanian konvensional memerlukan petani datang ke ladang setiap hari untuk melakukan proses penyiraman, rutin tersebut tidak perlu dilakukan petani menerusi sistem NIDO.

"NIDO dihubungkan dengan sistem Smartpot yang mana tanaman sendiri yang akan membuat keputusan bagi mendapatkan keperluan air dan baja.

"Apabila air kurang dalam takungan tanaman, air akan mengalir secara graviti ke takungan tanaman dan ini memudahkan petani kerana tidak perlu menyiram pokok," katanya.

Kelebihan daripada sistem ini adalah keperluan air untuk tanaman sentiasa terkawal dan tiada lagi masalah terlebih siraman atau terkurang siraman serta masalah terlebih dan terkurang baja.

MOHD. SOFIAN (belakang) dan Philip (depan) menunjukkan tanaman tembikai dinamakan Mono Premium Melon yang diusahakan di Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Kompleks Pertanian Serdang, Selangor.

**INEO****NIDO**

- Merupakan satu sistem berasaskan *Internet of Things (IoT)* yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI)
- Membolehkan kerja-kerja pemberian baja dan siraman dilakukan secara sendiri oleh sistem ditetapkan selain mengawal suhu, kelembapan, lampu, kipas, saliran pam di dalam rumah hijau dari jauh menggunakan telefon pintar
- Amat sesuai untuk kaedah penanaman secara fertigasi seperti melon, timun, cili, bendi dan tanaman sayur-sayuran berdaun yang dilakukan secara hidroponik

Bukan itu sahaja, terang Mohd. Sofian, NIDO juga berfungsi untuk pengawalan persekitaran rumah hijau.

"Melalui sistem ini, kita boleh mengawal suhu dan kelembapan mengikut kesesuaian tanaman yang ditanam di dalam rumah hijau.

"Dalam rumah hijau ini, kita ada kipas dan juga sistem *fogging* untuk tujuan tersebut dan semuanya boleh dikawal melalui aplikasi NIDO yang dimuat turun ke telefon pintar," katanya yang menerangkan kawalan suhu dan kelembapan penting bagi mengurangkan stres kepada pokok.

Tambah menarik katanya, melalui sistem *fogging* itu juga, ia boleh digunakan untuk tujuan kawalan serangga dan penyakit.

Jelasnya lagi, melalui palam pintar NIDO, petani boleh melakukan integrasi keperluan tanaman seperti mengawal lampu, kelembapan, suhu, pam saliran serta keperluan lain di dalam rumah hijau dari jarak jauh menggunakan aplikasi NIDO di telefon pintar.

"Kesemua data yang terkumpul juga akan disimpan di dalam 'Cloud' untuk rujukan petani. Menerusi data terkumpul ini, ia akan membantu petani untuk melakukan analisis keperluan tanaman serta membuat sesuatu keputusan penting untuk tanaman, misalnya petani boleh merancang program tanaman seterusnya," katanya.

Mohd Sofian berkata, melalui kaedah pertanian pintar tersebut, kini petani tidak memerlukan ramai tenaga kerja untuk mengurus ladang dan menggalakan golongan muda lebih menceburi bidang tanaman pertanian pintar serta



**SISTEM NIDO** berfungsi seperti otak yang mampu mengawal pelbagai parameter dalam pertanian dan menghubungkan pelbagai komponen untuk dioperasikan dari telefon pintar.

mengubah naratif bahawa pertanian merupakan industri 3D iaitu kotor, sukar dan berbahaya (*dirty, difficult, dangerous*)

Menurutnya, melalui sistem NIDO, banyak kerja sebelum ini yang memerlukan tenaga kerja manusia dapat diselesaikan dengan mudah.

"Ini manfaat yang petani akan dapat melalui konsep pertanian pintar sebegini.

"Selain dapat menghasilkan tanaman yang berkualiti tinggi mereka juga dapat menjimatkan kos untuk mengupah tenaga kerja," jelasnya.

Semua itu katanya telah dibuktikan melalui tanaman Mono Premium Melon yang diusahakannya.

Sistem NIDO ini amat sesuai untuk kaedah penanaman secara fertigasi seperti melon, timun, cili, bendi dan tanaman sayur-sayuran berdaun yang dilakukan secara hidroponik.

Untuk seunit sistem tersebut, banya seorang pekerja diperlukan dan dia mampu menjaga sehingga 800 hingga 1,000 pokok dalam satu-satu masa mengikut kesesuaian jenis tanaman.

Menyentuh mengenai asal usul

NIDO, Mohd. Sofian berkata, sistem NIDO berasal dari Itali dan telah dibawa masuk ke Malaysia sejak tahun 2020 oleh syarikatnya.

Pun begitu, ujar Mohd. Sofian pihaknya juga telah mengubah suai teknologi itu mengikut kesesuaian petani di negara ini.

"Kami mahu membantu petani-petani di negara kita untuk beralih kepada kaedah pertanian pintar kerana ia mampu memberi hasil yang lebih daripada tanaman yang berkualiti.

"Kewujudan sistem NIDO ini turut menyahut seruan kerajaan ke arah pertanian moden dan petani digalakkan menggunakan sepenuhnya teknologi terkini untuk bertani," katanya.

Tambahnya, dalam konteks ini, penerapan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dalam sektor pertanian boleh menawarkan banyak faedah, terutamanya dalam meminimumkan kos pengeluaran dan meningkatkan kualiti produk dan tanaman.

"Misalnya, Mono Premium Melon ini kita jual di pasaran pada harga RM168 bagi sebiji buah yang bersaiz antara 1.5 hingga 1.9 kilogram.

"Petani di luar sana juga boleh menggunakan teknologi seperti ini yang menjimatkan baja, air dan tenaga kerja serta pada masa sama mampu beri pulangan lumayan," katanya.



**AHMAD**

## Manfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi

INOVASI dalam bidang pertanian merupakan satu mekanisme yang penting dalam sektor agromakanan.

Oleh itu, memperkasa budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan petani melalui penghasilan produk inovasi yang berteraskan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) harus dilemali.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tidak dapat dinafikan bahawa sesuatu inovasi itu perlu memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi.

Memurutnya, dunia kini telah bergerak ke arah Revolusi Industri 4.0 dan Revolusi Digital di mana pelbagai produk perkhidmatan tercipta dengan mengaplikasikan teknologi robotik, *Internet of Things (IoT)*, kemahiran komputer dan aplikasi mudah alih yang sangat memberi manfaat dalam sektor agromakanan.

"Dalam menangani cabaran sekuriti makanan negara, inovasi memainkan peranan penting sebagai 'game changer' yang dicari selama ini.

"Ia bukan sahaja menyelesaikan masalah semasa, malah berpotensi membuka ruang dan peluang baharu yang dapat dimanfaatkan oleh sektor agromakanan untuk menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomiannya," kata beliau sewaktu merasmikan sambutan Hari Inovasi Jabatan Pertanian 2022 baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, bagi merealisasikan matlamat tersebut, usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti perlu dipupuk dan dihayati.

Katanya, pembudayaan inovasi dan kreativiti telah diakui dapat memainkan peranan besar dalam pembangunan banyak negara dan menjadi penggerak kepada inisiatif-inisiatif baharu kerajaan.



**RUMAH** hijau tanaman tembikai Mono Premium Melon ini dioperasikan secara canggih.